essence communications

a wpp company

Keceriaan penghuni Pusat Jagaan Matthew

Wajah kegembiraan jelas terpancar dari raut muka setiap penghuni rumah perlindungan tersebut apabila menerima kunjungan insan lain.

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

KANAK-KANAK di Pusat Jagaan Matthew juga berpeluang mendapat pendidikan.

> "Di sini, saya dapat bersekolah dan belajar seperti kanak-kanak yang lain. Semua penghuni diibaratkan seperti keluarga sendiri dan kami saling menyayangi antara satu sama lain"
> – SARAH

kandid

BEBERAPA kanak-kanak pantas menghampiri penulis tatkala kaki melangkah masuk ke Pusat Jagaan Matthew yang terletak di Sri Gombak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dengan senyuman manis terukir di bibir, mereka tanpa segan silu menghulurkan tangan untuk bersalam sambil bertanya beberapa soalan: "Siapa nama kakak? Datang dari mana? Kenapa datang ke sini?"

Satu demi satu persoalan yang dilontarkan anak-anak kecil itu penulis jawab dengan baik. Jauh di lubuk hati, rasa saya pantas bertandang apabila melihat gelagat kanak-kanak naif di pusat jagaan ini.

Walaupun masih kecil, namun mereka terpaksa menumpang hidup dan mengharap kasih sayang insan lain di sebuah pusat jagaan bersama kanak-kanak senasib mereka.

Bagaimanapun, kedatangan wakil dari Colgate dan pemenang persiaran kempen Mari Beramal Bersama Colgate, Farahliza Akmal Kamaruddin ke teratak mereka ternyata memberi kegembiraan yang bukan sedikit.

Farahliza yang merupakan seorang guru di Sekolah Kebangsaan St. Mary, Selayang, Selangor hadir untuk mengadakan kelas tuisyen bagi subjek Matematik dan Bahasa Inggeris kepada penghuni Pusat Jagaan Matthew yang terdiri daripada 13 orang kanak-kanak itu.

Selain itu, Farahliza turut membawa barangan berupa buku-buku pelajaran dan alat tulis yang dibelinya dengan baduah hasanangan bernilai RM1,000 sumbangan Colgate untuk pertandingan tersebut.

Menurut Farahliza, pada malamya dia menyertai pertandingan anjuran Colgate itu sekadar suka-suka kerana mahu menyumbang sesuatu untuk mereka yang memerlukan.

"Apabila dipilih sebagai pemenang, saya amat terkejut dan bersyukur sehati terupa untuk membantu golongan ini. Sebagai seorang guru, maka sudah tentu saya mahu berkongsi ilmu untuk mengajar anak-anak di pusat jagaan ini.

"Malah, saya rasa amat seronok kerana melihat semangat dan keunggulan mereka untuk belajar," ujar Farahliza yang memperuntukkan masa satu jam pada hari Khamis sepanjang bulan Oktober untuk mengajar mereka.

Aktiviti amal

Tambah beliau, aktiviti amal sebegini amat bermanfaat dan mengakui akan mengajak rakan-rakan yang lain untuk turut serta.

"Secara keseluruhan, saya berpuas hati dan gembira dengan apa yang telah dilakukan," katanya yang bertugas sebagai seorang guru selama tujuh tahun.

Kempen Mari Beramal Bersama Colgate ini dianjurkan dengan kerjasama stesen radio swasta, Hot FM. Orang ramai boleh berkongsi pendapat dan idea bagaimana mereka ingin menabur bakti dan membuat sumbangan jika diberi peluang untuk melakukannya.

Pusat Jagaan Matthew mula beroperasi secara rasmi pada April 2006. Ia diwujudkan semata-mata untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak miskin dan kurang penjagaan mendapatkan pendidikan yang lebih baik.

Sehingga kini terdapat 13 kanak-kanak berusia antara enam hingga 13 tahun mendiami pusat jagaan tersebut.

Salah seorang penghuninya, Sarah Benjamin, 12, berkata dia gembira berada di rumah ini sejak dua tahun lalu.

"Di sini, saya dapat bersekolah dan belajar seperti kanak-kanak yang lain. Semua penghuni diibaratkan seperti keluarga sendiri dan kami saling menyayangi antara satu sama lain," tutur Sarah yang mendiami rumah ini bersama adiknya, Christina, 10.

Seorang lagi kanak-kanak, Magilan yang merupakan penghuni paling muda menjelaskan, dia dapat belajar mengenal huruf dan membaca sejak duduk di Pusat Jagaan Matthew kira-kira setahun yang lalu.

"Saya juga dapat belajar Bahasa Inggeris dengan baik di sini," katanya sambil tersenyum.

Apa yang pasti, wajah kegembiraan jelas terpancar pada raut muka setiap penghuni rumah perlindungan ini apabila menerima kunjungan insan lain yang sudi membantu mereka.

MATA pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris antara subjek yang diberi penekanan.

TERUJA. Murugiah salah seorang daripada kanak-kanak yang menetap di Pusat Jagaan Matthew.

ATAS: Farahliza Akmal (kanan) dan Cikgu Ben Mohd. Rizdee Banging (dua deri kanan) menerangkan kaedah pembelajaran kepada kanak-kanak di Pusat Jagaan Matthew.

KIRI: Keceriaan jelas terpancar pada wajah kanak-kanak di Pusat Jagaan Matthew apabila ada insan yang sudi menjenguk mereka.

AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

KAKITANGAN Colgate menyediakan pakaian baru kepada kanak-kanak Pusat Jagaan Matthew.